

**Malaysia Berada Pada Landasan Yang Betul Ke Arah Mengurangkan Defisit Bajet - Institut Akauntan UK Bernama
6 Mac, 2014**

SINGAPURA, 6 Mac (Bernama) -- Perbelanjaan awam yang lebih rendah, cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan pengurangan beberapa subsidi utama adalah sebahagian daripada rancangan kerajaan untuk mengurangkan defisit awam kepada kurang daripada tiga peratus Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang 2015.

Laporan Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), menyebut rancangan itu sejajar dengan matlamat mengimbangkan belanjawan menjelang hujung dekad ini.

"Dengan tumpuan kerajaan Malaysia untuk mengurangkan defisit, berkemungkinan besar potongan subsidi selanjutnya adalah ke atas makanan atau bahan api, atau peningkatan cukai jualan akan dilaksanakan.

"Semua langkah ini akan menambahkan lagi inflasi yang sudah sedia dilonjakkan hasil pemansuhan subsidi gula, dan akan bertambah lagi berikutan langkah melaksanakan GST enam peratus tidak lama lagi," kata ICAEW.

Laporan itu yang membentangkan tinjauan suku tahunan dengan tumpuan kepada Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam, menyediakan gambaran semasa mengenai prestasi ekonomi rantau bagi 142,000 anggotanya.

Mengulas laporan tersebut, Ketua Anggota Ekonomi ICAEW Douglas McWilliams berkata: "Satu berita baik ialah harga makanan dunia sedang menurun disebabkan hasil tuaian yang lebih lumayan di seluruh dunia.

"Perkara ini mengimbangi sedikit sebanyak kesan inflasi akibat penarikan balik subsidi dan GST."

Beliau berkata di seluruh rantau, permintaan terhadap tenaga meningkat pada kadar yang lebih pantas berbanding pengeluaran domestik dan pengembangan ekonomi yang berterusan bermakna negara-negara berkenaan menjadi semakin bergantung kepada pasaran tenaga antarabangsa untuk memenuhi keperluan mereka.

"Harga bahan api merupakan faktor utama pencetus inflasi di rantau ini. Bagaimanapun, kejatuhan harga minyak dunia antara 2014 dan 2016 - dan kemasukan Iran ke pasaran tenaga dunia - seharusnya membantu meredakan tekanan inflasi," kata McWilliams.

Menurut laporan itu, kerajaan Asean juga dijangka terus memberi tumpuan kepada usaha mengekang perbelanjaan awam sebagai usaha mengurangkan paras hutang dan menaikkan keyakinan pelabur di rantau ini.

Ini adalah sebab utama negara seperti Malaysia dan Indonesia beransur-ansur mengurangkan subsidi utama untuk meyakinkan para pelabur kredibiliti kewangan negara mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019883>